



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Tingkat 7 & 8, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam.
Selangor Darul Ehsan.

DOKUMEN :

**SEBUTHARGA KERJA - KERJA MENGECHAT SERTA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN
BALAI CERAP SELANGOR, SUNGAI LANG, SABAK BERNAM**

TARIKH BUKA: 19 JUN 2025

Nama Kontraktor:

Alamat:
.....
.....
.....

Kelas:..... Tempoh Daftar:.....

NO SEBUTHARGA:

MUFTI. SEL/BKP/BCS/01/K/25





JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Tingkat 7 & 8, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam.
Selangor Darul Ehsan.

KANDUNGAN

- 1.0 KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
- 2.0 BORANG SEBUTHARGA KERJA
- 3.0 SURAT AKUAN PEMBIDA
- 4.0 ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
- 5.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN
- 6.0 SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA
- 7.0 RINGKASAN SEBUT HARGA
- 8.0 GAMBAR LOKASI KERJA - KERJA MENGECHAT
- 9.0 MAKLUMAT PENYEBUT HARGA
- 10.0 SENARAI SEMAK



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Tingkat 7 & 8, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam.
Selangor Darul Ehsan.


KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Kontraktor Gred G1, Kategori B (Bangunan, Pengkhususan B07 atau B24 dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut:

BIL. / TAJUK SEBUT HARGA KOD BIDANG	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH & MASA TUTUP SEBUT HARGA	TEMPAT SERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA
MUFTI. SEL/BKP/BCS/01/K/25 SEBUTHARGA KERJA - KERJA MENGECAT SERTA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN BALAI CERAP SELANGOR, SUNGAI LANG, SABAK BERNAM	Kontraktor G1 yang berdaftar dengan CIDB di bawah Kategori Bangunan, Pengkhususan B14 dan CE21	<u>Lawatan Tapak akan diadakan pada:</u> Tarikh : 24 Jun 2025 Hari : Selasa Masa : 10.30 pagi Tempat: Balai Cerap Selangor, Sungai Lang, Sabak Bernam Selangor <u>Tarikh tutup sebut harga :</u> Tarikh : 26 Jun 2025 Hari : Khamis Masa : Sebelum jam 12.00 tengahari Dokumen sebut harga yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan	Jabatan Mufti Negeri Selangor, Tingkat 8, Menara Utara Bangunan Sultan Idris Shah 40000 Shah Alam. Selangor Darul Ehsan. atau Balai Cerap Selangor, Sungai Lang Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan

1. Penyebutharga yang ingin menyertai sebut harga ini boleh mendapatkan dokumen di Laman Web Rasmi Jabatan ini atau Tender Selangor **mulai 19 Jun 2025 (Khamis)**.
2. Syarikat hendaklah menyerahkan 'hardcopy' tawaran sebut harga **sebelum waktu dan tarikh tutup** yang ditetapkan di atas.
3. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi :
 - a) Encik Norakmal Azraf bin Awaluddin 013-2653743, atau
 - b) Encik Khairul Nizaam bin Abd Wahab 013-2767644.
4. Syarikat yang berminat **WAJIB HADIR** ke lawatan tapak sebagaimana tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas dan perlu bawa bersama:
 - a) Dokumen sebutharga **MUFTI. SEL/BKP/BCS/01/K/25**
 - b) Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK);
 - c) Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK); dan
 - d) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF;
5. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.
6. WAJIB HADIR sesi TAKLIMAT tapak pada 24 Jun 2025 (Selasa) bermula jam 10.30 pagi – 11.00 pagi, berkumpul di Balai Cerap Selangor, Sungai Lang, Sabak Bernam dan hanya kontraktor yang hadir dalam lawatan tapak ini sahaja yang layak untuk menyertai sebutharga ini. (sila bawa cop syarikat semasa lawatan tersebut). HADIR SEKALI semasa taklimat dibuat. Wakil kontraktor sama sekali tidak dibenarkan.
7. Kegagalan untuk menghadiri lawatan tapak akan menyebabkan penyertaan syarikat tuan dalam sebutharga ini boleh **DIBATALKAN**.
8. Harga Indikatif bagi kerja-kerja ini adalah **RM 63,000.00**.


DATO' SETIA DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR
 (S.S.I.S., D.P.M.S.)
 Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor


 Tarikh



BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil. **MUFTI. SEL/BKP/BCS/01/K/25**

Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

Jabatan Mufti Negeri Selangor
Tingkat 8, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam.
Selangor Darul Ehsan.
(u.p: Seksyen Perolehan)

Y.Bhg. Dato',

Sebut Harga untuk :

SEBUTHARGA KERJA - KERJA MENGECHAT SERTA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN BALAI CERAP SELANGOR, SUNGAI LANG, SABAK BERNAM

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak :-
Ringgit Malaysia :

.....
(RM.....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa..... Minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh : Haribulan 2025

.....
(Tandatangan Kontraktor)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :

Nama Penuh :

No. K/P :

No. K/P :

Alamat :

Alamat :

Atas sifat :

.....
Meterai atau Cop Kontraktor

SURAT AKUAN PEMBIDA

SEBUTHARGA KERJA - KERJA MENGECHAT SERTA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN BALAI CERAP SELANGOR, SUNGAI LANG, SABAK BERNAM

MUFTI. SEL/BKP/BCS/01/K/25

Saya, No. Kad Pengenalan..... yang mewakili..... nombor Pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Jabatan Mufti Negeri Selangor** atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses tender/sebut harga atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Jabatan Mufti Negeri Selangor** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

4. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini mematuhi perkara 2 dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) potong mana tidak berkenaan
- (ii) ** termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (iii) *** seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iv) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuas

4.0. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

i. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

ii. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut sepenuhnya :-

- (a) Harga dan tandatangan kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (Jika ada)
- (e) Butir-butir Spesifikasi (Jika ada)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas kontraktor hendaklah menandatangi ringkas semua pembetulan.

Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **MUFTI. SEL/BKP/BCS/01/K/25**.
- (b) Serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan

Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

iii. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **6 MINGGU**.

iv. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

v. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

5.0. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebut harga tersebut tidak akan dipertimbangkan.

i. KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUTHARGA

- 1.1 Kontraktor yang menyertai sebut harga ini hendaklah terlebih dahulu berdaftar seperti di bawah:-

CIDB - G1 : B14 & CE21
Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

Salinan Sijil Pendaftaran **CIDB** dan **SPKK** hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.

ii. PEMILIHAN

- 2.1 Kontraktor boleh membuat tawaran mengikut alamat pendaftaran Sijil Pendaftaran CIDB. Kontraktor yang berkelayakan akan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Kerajaan juga berhak untuk tidak memilih tawaran tanpa memberi sebarang alasan.

iii. HARGA TAWARAN

- 3.1 Harga-harga yang ditawarkan adalah mengikut spesifikasi kerja yang di tetapkan.
- 3.2 Harga-harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua kos pengangkutan, perkhidmatan, peralatan dan lain-lain yang bersangkutan dengan perkhidmatan ini.
- 3.3 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuat kuasa selama dalam tempoh sah laku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

iv. POLISI INSURANS

- 4.1 Kontraktor dengan perbelanjaannya sendiri dikehendaki mengambil polisi insuran yang diperakui iaitu Insuran Tanggungan Awam, Insuran Pampasan Pekerja dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan. **Polisi insuran yang diperakui dan resit premium yang telah dibayar hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas notis penerimaan tawaran.**

v. **SETUJU TERIMA**

- 5.1 Kerajaan tidak terikat mempersetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan Jawatankuasa sebut harga adalah muktamad. Jabatan tidak terikat untuk melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga berkennaan sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.
- 5.2 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan Malaysia dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.

vi. **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

- 6.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 6.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 6.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraikan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 6.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkennaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

6.0. SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

i. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-kedaadaan yang mempengaruhi dan menjelas Sebut Harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

ii. INSURANS

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja, Nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi Insurans selepas tempoh sah Nota-nota Perlindungan tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9 (d).

iii. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, Pelan-pelan, Butir-butir Kerja dalam Ringkasan Sebut Harga, Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga dan Arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

iv. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tata tertib akan diambil terhadap Kontraktor.

v. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

vi. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucer-baucer dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi

Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

vii. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyíapan Kerja sengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudianya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebutharga diselaraskan.

viii. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas menjelaskan antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehingga siap mengikut tujuan dan maksud itu adalah ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

ix. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PELANTIKAN KONTRAKTOR.

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden :

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu perlahan tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah;
- (e) Apabila Kontraktor diisyiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

x. KERJA PERUBAHAN

- 10.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.
- 10.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

xi. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

- 11.1 Tempoh Tanggungan Kecatatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 11.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidak sempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebutharga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidak sempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 11.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidak sempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti arahan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrikal/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

xii. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

xiii. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

xiv. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa juu kerosakan lain.

xv. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhaninya dengan syarat-syarat ini.

7.0. RINGKASAN SEBUT HARGA

SEBUTHARGA KERJA - KERJA MENGECHAT SERTA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN BALAI CERAP SELANGOR, SUNGAI LANG, SABAK BERNAM

BIL.	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
A	<u>KERJA-KERJA MENGECHAT DINDING LUAR BANGUNAN BALAI CERAP</u>				
	i. Menyediakan tenaga kerja dan peralatan seperti waterjet, skylift dan skalfolding bagi kerja-kerja yang berkaitan mengecat semula permukaan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	Pukal	_____	_____	_____
	ii. Kerja-kerja mengikis cat lama, distemper lama dan sebagainya dari permukaan yang lepa, basuh dan membaiki semua retak serta permukaan lain yang cacat untuk semua dinding dan tiang serta lain-lain kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa.	Pukal	_____	_____	_____
	iii. Kerja-kerja mengecat semula permukaan dinding dan tiang luar bangunan dengan satu lapisan cat asas (undercoat) dan lain-lain kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa. Kawasan terlibat, adalah: <ul style="list-style-type: none"> a. Bangunan utama Balai Cerap Selangor (2 tingkat) b. Kubah Utama Balai Cerap Selangor c. Pagar Utama hadapan d. Surau e. Garaj f. Tandas g. Pondok Pegawai Keselamatan. 	Pukal	_____	_____	_____
	iv. Kerja-kerja mengecat keseluruhan permukaan dinding dan tiang luar bangunan dengan sapuan dua lapis menggunakan cat jenis rintangan cuaca (weathersheild) dengan jaminan ketahanan cat selama 5 tahun (penyebutharga perlu melampirkan katalog cat pada lampiran dan warna akan ditentukan oleh JMNS) dari syarikat pengeluar cat yang diluluskan SIRIM dan lain-lain kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa.	Pukal	_____	_____	_____
	JUMLAH KECIL				_____

**SEBUTHARGA KERJA - KERJA MENGECHAT SERTA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN BALAI
CERAP SELANGOR, SUNGAI LANG, SABAK BERNAM**

BIL.	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
B	<u>KERJA-KERJA MENGECHAT DINDING DALAM BANGUNAN BALAI CERAP</u>				
	i. Kerja-kerja mengikis cat lama, distemper lama dan sebagainya dari permukaan yang lepa, basuh dan membaiki semua retak serta permukaan lain yang cacat untuk semua dinding dan tiang serta lain-lain kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa.	pukal	_____	_____	_____
	ii. Kerja-kerja mengecat semula permukaan dinding dan tiang dalam bangunan dengan satu lapisan cat asas (undercoat) dan lain-lain kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa. Kawasan terlibat, adalah:	Pukal	_____	_____	_____
	a. Ruang Pejabat Bangunan Utama (2 tingkat) b. Surau c. Pondok Pegawai Keselamatan. d. Tandas				
	iii. Kerja-kerja mengecat keseluruhan permukaan dinding dan tiang dalam bangunan dengan sapuan dua lapis menggunakan cat emulsi dengan jaminan ketahanan cat selama 5 tahun (penyebutharga perlu melampirkan katalog cat pada lampiran dan warna akan ditentukan oleh JMNS) dari syarikat pengeluar cat yang diluluskan SIRIM dan lain-lain kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Panguasa.	Pukal	_____	_____	_____
	iv. Kerja-kerja akhir pembersihan sisa bahan binaan dan dibuang ke tempat yang dibenarkan.	Pukal	_____	_____	_____
	JUMLAH KECIL				_____

**SEBUTHARGA KERJA - KERJA MENGECHAT SERTA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN BALAI
CERAP SELANGOR, SUNGAI LANG, SABAK BERNAM**

BIL.	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
C	<p><u>KERJA-KERJA MENGECHAT LOGAM DAN KAYU</u></p> <p>Kerja-kerja mengecat 2 lapis cat kilat pada semua permukaan kayu dan besi pintu serta kerja-kerja yang berkaitan. Kawasan terlibat, adalah:</p> <p>1. Tiang-tiang lampu 2. Peti Elektrik 3. Pagar Besi Utama.</p> <p>Kerja-kerja akhir pembersihan sisa bahan binaan dan dibuang ke tempat yang dibenarkan.</p>	Pukal	_____	_____	_____
	JUMLAH KECIL				

**SEBUTHARGA KERJA - KERJA MENGECHAT SERTA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN BALAI
CERAP SELANGOR, SUNGAI LANG, SABAK BERNAM**

BUTIRAN	JUMLAH (RM)
(i) – JUMLAH KECIL A: <u>KERJA-KERJA MENGECHAT DINDING LUAR BANGUNAN BALAI CERAP</u>	
(ii) – JUMLAH KECIL B: <u>KERJA-KERJA MENGECHAT DINDING DALAM BANGUNAN BALAI CERAP</u>	
(iii) – JUMLAH KECIL C: <u>KERJA-KERJA MENGECHAT LOGAM DAN KAYU</u>	
JUMLAH KESELURUHAN	

Catatan:


Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
(Tandatangan Kontraktor)


.....
(Nama Kontraktor)

Cop Syarikat & Tarikh

**8.0 GAMBAR LOKASI KERJA - KERJA MENGECHAT SERTA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN
BALAI CERAP SELANGOR, SUNGAI LANG, SABAK BERNAM**




BANGUNAN UTAMA (HADAPAN) BALAI CERAP SELANGOR




BANGUNAN UTAMA (BELAKANG) BALAI CERAP SELANGOR




BANGUNAN SURAU (TEPI), BALAI CERAP SELANGOR




BANGUNAN SURAU (TEPI), BALAI CERAP SELANGOR




**BANGUNAN UTAMA (ARAS ATAS- BALAI CERAP DAN KUBAH),
BALAI CERAP SELANGOR**




GARAJ TEMPAT LETAK KERETA DAN PAGAR HADAPAN, BALAI CERAP SELANGOR



TANDAS LUAR BERHAMPIRAN SURAU




PONDOK PENGAWAL KESELAMATAN, BALAI CERAP SELANGOR




PAGAR HADAPAN, BALAI CERAP SELANGOR




RUANG DALAM BANGUNAN UTAMA, BALAI CERAP SELANGOR




RUANG DALAM BANGUNAN UTAMA, BALAI CERAP SELANGOR




RUANG DALAM TANDAS LUAR, BALAI CERAP SELANGOR




RUANG DALAM BANGUNAN UTAMA, BALAI CERAP SELANGOR




RUANG DALAM BANGUNAN UTAMA, BALAI CERAP SELANGOR



RUANG DALAM BANGUNAN UTAMA, BALAI CERAP SELANGOR



RUANG DALAM BANGUNAN SURAU, BALAI CERAP SELANGOR



SUDUT PANDANG ATAS DI TAPAK CERAPAN, BALAI CERAP SELANGOR

9.0. MAKLUMAT PENYEBUT HARGA

A. KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA	
1.	Nama Syarikat
2.	Alamat Berdaftar
3.	Alamat Surat Menyurat
4.	Nombor Pendaftaran
	Perniagaan
	PKK/Kementerian Kewangan
	Tarikh Tamat
5.	Nombor Telefon
6.	Nombor Fax
7.	Nombor Telefon Bimbit
8.	Alamat E-Mail

9.	Tarikh Syarikat ditubuhkan			
10.	Taraf Syarikat (Nyatakan Sama Ada Bumiputera atau Bukan Bumiputera)			
11.	Sekiranya Taraf Syarikat adalah Bumiputera , nyatakan tempoh sah	Dari	Hingga	
12.	Jenis Perniagaan (Nyatakan sama ada Perseorangan / Perkongsian / Sdn Bhd / Berhad)			
13.	Jika BUKAN syarikat perseorangan, sila nyatakan butir-butir di bawah.			
No.	Nama Pemegang Syer terbesar (mengikut tertib)	No KP / No.Syarikat	Alamat	%Syer
i.				
ii.				
iii.				
iv.				
v.				

vi.			
Pendaftaran PKK/Kementerian Kewangan. Sila sertakan salinan surat pendaftaran yang disahkan dan isikan butir-butir berikut:-			
No.	Nama Pemegang Syer terbesar (mengikut tertib)	No. KP/ No. Syarikat	Alamat
i.			% Syer
ii.			Kedudukan Dalam Syarikat
iii.			
iv.			
v.			
vi.			
vii.			

B. ORGANISASI SYARIKAT

1. Lembaga Pengarah

No.	Nama	Umur	Ekuiti/Syer	Kelayakan Akademik	Pengalaman (Tahun)
i.					
ii.					
iii.					
iv.					
v.					
vi.					

2. Kakitangan-kakitangan yang lain				
	BILANGAN PEKERJA MAHIR/TEKNIKAL (JURUTERA, JURUANALISA SISTEM DAN SEUMPAMANYA)	BUMIPUTERA	BUKAN-BUMIPUTERA	JUMLAH
i.	Bilangan Kakitangan Lain (Juruteknik, Perkeranian, Pembantu Pejabat dan seumpamanya)			
ii.	Bilangan Kakitangan Lain (Juruteknik, Perkeranian, Pembantu Pejabat dan seumpamanya)			
C. SENARAI PROJEK-PROJEK YANG TELAH DILAKUKAN				
PERKARA	BILANGAN/KUANTITI		JUMLAH (RM)	
i.	Jumlah projek yang telah diperolehi bagi 3 tahun kebelakangan yang berkaitan dengan tawaran sebutharga			

ii. Purata projek yang diperolehi dalam setahun	
--	---

D. PENGALAMAN LEPAS PROJEK YANG BERKAITAN DALAM TEMPOH 3 TAHUN YANG LALU

JUMLAH BESAR		

E. PROJEK-PROJEK SEMASA				
No	Nama projek (mengikut tertib)	Nilai Projek (RM)	Tarikh Mula Kontrak	Tarikh Siap Sebenar

		JUMLAH BESAR

10.0 SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA)

Sila tandakan v Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Borang Sebut Harga Kerja telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Ringkasan Sebut Harga telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Borang Maklumat Penyebut Harga - Sila sertakan profil syarikat dan bukti pengalaman/perkhidmatan (salinan LO / surat setuju terima (Jika Ada))	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran CIDB, PKK dan SPKK	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Contoh / Katalog (Jika Berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Senarai Semakan telah ditandakan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Salinan Sijil Pendaftaran GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Jika Berdaftar)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Lain-lain Sekiranya Ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada).

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

SENARAI TURUTAN DOKUMEN

Sila pastikan hanya dokumen berkenaan dikemukakan dengan LENGKAP mengikut **TURUTAN** berikut:-

1. Senarai Semakan
2. Borang Sebut Harga Kerja
3. Ringkasan Sebut Harga
4. Borang Maklumat Penyebut Harga
5. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran CIDB
6. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir
7. Salinan Resit Pembelian Sebut Harga
8. Profil Syarikat
9. Bukti Pengalaman / Perkhidmatan (Salinan LO / Surat Setuju Terima (Jika Ada)
10. Contoh / katalog (Jika Berkaitan)

* Pihak Jabatan berhak menolak dokumen yang TIDAK LENGKAP, TIDAK KEMAS atau TIDAK MENGIKUT TURUTAN yang telah ditetapkan.

SEBUTHARGA KERJA - KERJA MENGECHAT SERTA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN
BALAI CERAP SELANGOR, SUNGAI LANG, SABAK BERNAM

.....
(Tandatangan)

.....
(Tandatangan)

.....
(Nama Penuh)

.....
(Nama Penuh)

No.KP :

No.KP :

Jawatan :

Jawatan :

Cop :

Cop :

Tarikh :

Tarikh :